





## KEBOLEHPASARAN GRADUAN SEBELUM BERGRADUAT TAHUN 2008

Satu kaji selidik telah dijalankan ke atas pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan, UKM sesi 2007/2008 pada bulan April 2008. Kaji selidik ini dijalankan untuk mengetahui kebolehpasaran pelajar FK dan mengenalpasti syarikat-syarikat yang telah menerima pelajar UKM sebagai jurutera dan menyimpan maklumat peribadi responden untuk tujuan Alumni FK. Kaji selidik ini juga dilakukan untuk melihat sejauh mana tahap persediaan pelajar tahun akhir untuk mendapatkan pekerjaan.

Jumlah responden yang memberi maklumat kaji selidik ini adalah seramai 359 orang pelajar dengan 213 orang pelajar lelaki dan 146 orang pelajar perempuan. Seramai 302 orang pelajar, iaitu, 84% daripada jumlah responden masih belum diterima bekerja manakala 16% pelajar telah mendapat kerja (Lihat Rajah 1). Seramai 57 orang pelajar telah diterima untuk bekerja di pelbagai syarikat (16%) dengan 37 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan (Lihat Rajah 2).




Rajah 1 : Peratusan responden yang telah dan belum mendapat pekerjaan



Rajah 2 : Peratusan responden yang telah/belum mendapat pekerjaan berdasarkan jantina.

Jika dibandingkan peratusan pelajar tahun akhir yang memperolehi pekerjaan mengikut jabatan, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Struktur mempunyai peratusan tertinggi (29.7%) iaitu, 22 daripada 74 orang pelajarnya telah diterima bekerja, diikuti Jabatan Seni Bina (21.2%) iaitu, 7 daripada 33 orang pelajarnya telah diterima bekerja, Jabatan Kejuruteraan Mekanik dan Bahan (14.3%) iaitu, 12 daripada 84 orang pelajarnya telah diterima bekerja, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem (11.5%) iaitu 13 daripada 113 orang pelajarnya telah diterima bekerja, dan Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Pemprosesan (5.5%) iaitu, 3 daripada 55 orang pelajarnya telah diterima bekerja (Lihat Rajah 3).



Rajah 3 : Bilangan responden yang telah/belum mendapat pekerjaan mengikut jabatan

Berikut disenarikan nama syarikat yang telah menerima pelajar dari Fakulti Kejuruteraan UKM sebagai pekerja mengikut jabatan:

Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem

1. Ipoh Garden Berhad (IGB)
2. National Semiconductor Berhad, Melaka
3. Sony Erricson
4. Intel, Penang Design Centre
5. Altera
6. Intel Technology Sdn. Bhd.
7. Fuji Electric
8. Maxis Berhad
9. Schlumberger, PBJV Group
10. CIMB Goup (NSG)



Jabatan Kejuruteraan Awam dan Struktur

1. Geostruct. International Sdn. Bhd.
2. Gamuda Berhad
3. Sepakat Setia Perunding (SSP Sdn. Bhd.)
4. Ranhill Bersekutu Sdn. Bhd.
5. T. Tech (Testing) Sdn. Bhd.
6. Kim Lun Sdn. Bhd.
7. Gafura Construction Sdn. Bhd.
8. Ampro
9. Halcrow Consultant Sdn. Bhd.
10. Vastalux
11. Primarelce Consultancy
12. Milianto Consulting Sdn. Bhd.
13. Primareka Perunding
14. ERE Consulting Group
15. Dr. Y. G. Engineering
16. Perunding TAC

Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Pemros

1. National Semiconductor
2. Watermech Engineering Sdn. Bhd.
3. Juru Roboil

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Bahan

1. J P Kenny Wood Group Sdn. Bhd.
2. Sarawak Shell Berhad
3. National Semiconductor (M) Sdn. Bhd.
4. Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM)
5. Pintas IP Sdn. Bhd.
6. Lin Mei (M) Sdn. Bhd.



7. Talace Engineering Sdn. Bhd.
8. LB Aluminium Berhad

Jabatan Seni Bina

1. Redd Design Office Sdn. Bhd.
2. A.M Arkitek dan lain-lain
3. Norman Ezane Architect

Kesimpulan yang dapat dilakukan disini adalah ramai pelajar tahun akhir tidak dapat pekerjaan sebelum mereka menamatkan pengajian.